

**PENGETAHUAN PENGGUNAAN HERBA TRADISIONAL DAN
KOMPLIMENTARI DALAM PENGURUSAN DIABETES DALAM KALANGAN
PESAKIT DIABETES JENIS II DI NEGERI SEMBILAN**

Rosnani Kassim¹, Hapsah Mohd Dusa¹, Norbaidurah Ithnain¹, Nadia Amiruddin¹, Azlyn Azmainie Ithnin¹, Dr. Khalijah Yusof²,

Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia¹ Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan²,

Pengenalan: Adalah dianggarkan penyakit diabetes dihidapi lebih kurang 415 juta orang seluruh dunia dan dinajgka akan meningkat kepada 642 juta orang pada tahun 2040. Terdapat beberapa kaedah dalam pengurusan diabetes yang terdiri daripada kawalan pemakanan, ubatan penggunaan insulin dan lain-lain. Walau bagaimanapun, berlaku peningkatan penggunaan ubatan herba dalam kalangan pesakit diabetes di Malaysia.

Objektif: Untuk meneroka tahap pengetahuan dalam kalangan pesakit Diabetes Jenis II tentang penyakit mereka dan pengambilan herba dalam pengurusan penyakit diabetes.

Kaedah: Kajian berbentuk kualitatif menggunakan kaedah persampelan bertujuan(*purposive sampling*). Melibatkan 70 informan melalui temu bual mendalam secara bersemuka telah dilaksanakan pada Ogos 2017 hingga Mac 2018 di empat (4) buah klinik di Negeri Sembilan. Alat perakam audio digunakan bagi merakam sesi temu bual dan transkripsi rakaman dibuat dan analisis dilakukan menggunakan kaedah tematik.

Keputusan: Sumber maklumat utama tentang pengambilan herba ialah daripada keluarga, kawan dan jiran. Sebahagian mengetahuinya melalui media konvensional seperti televisyen, radio and suratkhbar. Majoriti informan mempunyai pengetahuan yang betul mengenai penyakit diabetes. Majoriti mengetahui penyakit diabetes hanya boleh dikawal dan tidak boleh sembuh. Namun sebahagian informan juga tidak memberikan pernyataan apabila ditanya tentang penyakit Diabetes boleh sembuh atau tidak. Majoriti informan sangat positif dan percaya kepada penggunaan herba dalam membantu pengurusan penyakit diabetes mereka. Lebih daripada satu pertiga informan mengetahui kandungan, kualiti dan keselamatan herba yang diambil dalam pengurusan penyakit diabetes mereka.

Kesimpulan: Pengetahuan pengambilan herba dalam pengurusan penyakit diabetes jenis II dalam kalangan informan banyak dipengaruhi oleh pengetahuan dan testimoni penggunaan herba tersebut dalam kalangan keluarga dan rakan-rakan serta penggunaan masyarakat turun temurun. Namun masih terdapat kekeliruan pengetahuan dalam kalangan informan tentang kesesuaian dos dan cara pengambilan ubatan serta pengambilan herba yang boleh diperbaiki untuk memastikan pesakit mempunyai pengetahuan yang betul dan membuat tindakan yang tepat dalam pengurusan penyakit mereka dan melambatkan komplikasi buruk kepada kesihatan dan kualiti kehidupan mereka.

Kata kunci: pengetahuan, pesakit diabetes jenis II, Negeri Sembilan